

25/09/2000

PM hadir majlis kahwin anak Azman Hashim

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam tadi menghadiri majlis persandingan anak lelaki Pengerusi Kumpulan Perbankan Arab Malaysian, Tan Sri Azman Hashim, Shahman, di Hotel Shangri-la di sini.

Majlis itu turut dimeriahkan kehadiran pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin Tuanku Jaa'far dan Tunku Puan Muda, Tunku Nurul Hayati; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor; bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar; Pengarah Eksekutif The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd, Tan Sri Abdullah Ahmad dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee, serta kenamaan lain.

Shahman, 26, Pengurus Besar di salah sebuah anak syarikat Arab-Malaysian Corporation Bhd manakala pasangannya Raja Farah Jasmine Raja Bahrum, 23, adalah pelajar lulusan Institut Help.

(END)